

SULIT


- 1 Antara yang berikut, yang manakah bersamaan dengan 'Tujuh juta lima ratus ribu'?

A $7\frac{1}{5}$ juta
B $7\frac{1}{4}$ juta
C $7\frac{1}{3}$ juta
D $7\frac{1}{2}$ juta

- 2 $5\frac{1}{2}$ juta - 750 ribu =

A 4 120 000
B 4 340 000
C 4 500 000
D 4 750 000

- 3 Rajah 1 menunjukkan garis nombor.



Rajah 1

Apakah anggaran nombor di P?

A 550 ribu
B 570 ribu
C 620 ribu
D 650 ribu

- 4 Panjang dua sisi oktagon ialah 15 cm. Hitung perimeter oktagon tersebut.

A 60 cm
B 75 cm
C 90 cm
D 120 cm


- 5 Antara yang berikut, yang manakah penukaran unit yang betul?

A 2 450 cm = 24 m 50 cm
B 3 550 cm = 3 m 550 cm
C 4 659 cm = 4.659 m
D 5 708 cm = 57.8 m

- 6 $\frac{11}{25}$ bersamaan dengan

A 22%
B 33%
C 44%
D 55%

- 7 Rajah 2 menunjukkan dua buah bulatan yang dibahagikan kepada beberapa bahagian yang sama besar.



Rajah 2

Hitung peratusan kawasan berlorek daripada seluruh rajah.

A 40%
B 55%
C 60%
D 75%

- 8 Berapakah perlu dikurangkan daripada $8\frac{1}{2}$ supaya menjadi $4\frac{5}{6}$?

A $3\frac{1}{3}$
B $3\frac{2}{3}$
C $3\frac{1}{6}$
D $3\frac{5}{6}$

- 9 Nilai digit bagi digit 5 dalam nombor 34.657 ialah

A $\frac{1}{2}$
 B $\frac{1}{5}$
 C $\frac{1}{10}$
 D $\frac{1}{20}$

10 $\frac{3}{4} \div \square = 2\frac{1}{4}$

A $\frac{1}{2}$
 B $\frac{1}{3}$
 C $\frac{1}{4}$
 D $\frac{3}{4}$

- 11 18 ribu - 4 320 ÷ 12 =

A 1 140
 B 1 764
 C 11 400
 D 17 640

- 12 17 minggu 2 hari - 34 hari =

A 12 minggu 3 hari
 B 12 minggu 6 hari
 C 13 minggu 4 hari
 D 13 minggu 5 hari

- 13 Tambahkan 35.604 dan 73. Kemudian, tolak 52.89 daripada hasil tambah dua nombor itu. Apakah nilai tempat bagi digit 7 dalam jawapan?

A Sa
 B Puluhan
 C Persepuluh
 D Perseratus

- 14 Jadual 1 menunjukkan kehadiran murid kelas 6 Intan pada suatu hari.

Jantina murid	Bilangan murid hadir	Bilangan murid tidak hadir
Lelaki	16 orang	2 orang
Perempuan	20 orang	2 orang

Jadual 1

Hitung peratus murid yang hadir daripada semua murid pada hari tersebut.

A 75
 B 80
 C 85
 D 90

- 15 Rajah 3 menunjukkan jisim empat jenis buah.

	
Nanas	Tembikai
2 kg 75 g	2.5 kg
	
Durian belanda	Kelapa
2 070 g	$2\frac{2}{5}$ kg

Rajah 3

Antara yang berikut, yang manakah yang paling berat?

A Nanas
 B Kelapa
 C Tembikai
 D Durian Belanda

[Lihat halaman sebelah
 SULIT

SULIT

- 16 $\frac{5}{6}$ daripada suatu nombor ialah 30.

Apakah nombor itu?

- A 25
- B 28
- C 32
- D 36


- 17 $384 \text{ bulan} \div 12 =$

- A 2 tahun 3 bulan
- B 2 tahun 8 bulan
- C 3 tahun 2 bulan
- D 3 tahun 8 bulan

- 18 Pendapatan sebuah syarikat ialah RM75 500 pada bulan Januari. Pada bulan Februari, pendapatan syarikat itu meningkat 15%. Hitung pendapatan syarikat itu pada bulan Februari.

- A RM11 235
- B RM64 175
- C RM86 825
- D RM90 500

- 19 Rajah 4 menunjukkan gabungan bentuk segi empat tepat PQST dan segi tiga bersudut tegak QRS. TSR ialah garis lurus.



Rajah 4

Panjang SR ialah $\frac{3}{4}$ daripada panjang TS.

Hitung luas, dalam cm^2 , seluruh rajah.

- A 57
- B 96
- C 132
- D 168

- 20 Hu Sin mendapat pinjaman peribadi dari bank sebanyak RM120 000 dengan faedah 1.5% setahun.

Berapakah faedah yang perlu dibayar oleh Hu Sin dalam tempoh 5 tahun?

- A RM1 800
- B RM3 600
- C RM6 000
- D RM9 000

- 21 Jadual 2 menunjukkan peratusan kehadiran murid selama lima bulan pertama tahun ini di sebuah sekolah.

Bulan	Peratusan kehadiran
Januari	98.3
Februari	97.8
Mac	98
April	96.5
Mei	97.4

Jadual 2


Hitung min peratusan kehadiran murid selama lima bulan itu.

- A 79.9
- B 97.4
- C 97.6
- D 98.3

- 22 Bilangan murid lelaki di sebuah sekolah ialah 435 orang. Bilangan murid perempuan adalah 118 orang lebih ramai daripada murid lelaki. Berapakah jumlah murid sekolah itu?

- A 543
- B 553
- C 985
- D 988

- 23 Jisim Amir adalah 56.7 kg. Jisim Danial pula adalah $\frac{1}{4}$ kg lebih berat daripada jisim Amir. Manakala jisim Rurul 650 g lebih berat daripada jisim Danial. Hitung jisim Rurul.
- A 57.6
B 58.7
C 64.7
D 65.7
- 24 Sekeping kertas kad manila dapat dipotong kepada 60 keping untuk dijadikan kad nombor. Berapa kepingkah kad manila diperlukan untuk mendapat 2 520 keping kad nombor?
- A 42
B 52
C 420
D 520
- 25 Rajah 5 menunjukkan jisim lima tin susu yang dibeli oleh Hayati.




Rajah 5

Hitung jisim, dalam kg, 3 tin susu tersebut.

- A 1.86
B 1.92
C 1.95
D 2.09

- 26 Sebuah bas persiaran mengambil masa 7 jam hingga 8 jam untuk perjalanan dari stesen bas Kota Bharu ke stesen bas Putrajaya. Antara yang berikut, yang manakah anggaran masa tiba bas persiaran itu jika bas tersebut bertolak dari stesen bas Kota Bharu pukul 9.30 a.m.?
- A Pukul 4.20 a.m.
B Pukul 4.50 a.m.
C Pukul 5.40 a.m.
D Pukul 5.50 a.m.
- 27 Rajah 6 menunjukkan kandungan air mineral dalam tiga botol.



Rajah 6

Puan Laila minum 20% dan anaknya minum 0.3 l daripada jumlah isi padu air mineral itu. Hitung jumlah isi padu air mineral yang belum diminum.

- A 690
B 975
C 1 260
D 1 950
- 28 Seorang peniaga membeli 20 helai baju dengan harga RM12.50 sehelai. Dia menjual semua baju itu dengan mendapat untung RM160. Hitung harga jual sehelai baju itu.
- A RM16.00
B RM16.80
C RM18.50
D RM20.50

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 29 Rajah 7 menunjukkan kalendar bulan Mei 2017.

MEI 2017						
A	I	S	R	K	J	S
	1	2	3	4	5	6
7	8	9	10	11	12	13
14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27
28	29	30	31			

1 Mei : Hari Pekerja

Rajah 7

Ahmad bekerja sebagai pencuci kawasan yang dibayar gaji RM25.70 sehari. Ahmad tidak bekerja pada hari cuti umum, hari Jumaat dan hari Sabtu.

Hitung pendapatan Ahmad pada bulan Mei 2017.



- A RM565.40
- B RM591.10
- C RM771.00
- D RM796.70

- 30 Amirul dan Salwa sama-sama menyiapkan poster. Amirul mengambil masa selama $2\frac{1}{3}$ jam untuk menyiapkan posternya. Salwa pula mengambil masa $\frac{1}{5}$ jam lebih awal daripada Amirul.

Berapa lamakah masa yang diambil oleh Salwa untuk menyiapkan posternya?

- A 2 jam 2 minit
- B 2 jam 8 minit
- C 2 jam 18 minit
- D 2 jam 32 minit

- 31 Rajah 8 menunjukkan panjang, lebar dan tinggi bagi dua kek yang sama jenis.




Rajah 8

Jisim kek A adalah 1.2 kg.

Hitung jisim kek B.

- A 300 g
- B 350 g
- C 400 g
- D 450 g

- 32 Rajah 9 menunjukkan jarak bandar A ke bandar B dan jarak bandar B ke bandar C.



Rajah 9

Encik Hashim mengambil masa 2 jam memandu kereta dari bandar A ke bandar B.

Hitung masa yang diambil oleh Encik Hashim jika dia memandu dari bandar A ke bandar C menggunakan kelajuan yang sama?

- A 1 jam 12 minit
- B 2 jam 12 minit
- C 3 jam 12 minit
- D 4 jam 12 minit


- 33 Nisbah bilangan guli merah kepada bilangan guli putih ialah 2 : 3.
Jika bilangan guli merah ialah 16 biji, berapakah bilangan guli putih?

A 24
B 32
C 36
D 48

- 34 Ibu membeli sebotol air mineral yang berisi padu 9 liter air. $\frac{1}{4}$ daripada air itu digunakan untuk membuat air sirap dan $\frac{3}{5}$ daripada baki air itu digunakan untuk membuat air oren. Hitung baki, dalam ℓ , air mineral yang belum digunakan.

A 2.70
B 4.05
C 4.50
D 8.15

- 35 Carta palang di bawah menunjukkan bilangan murid mengikut persatuan di sebuah sekolah.




Bilangan murid dalam persatuan matematik adalah 20 orang lebih ramai daripada ahli persatuan Sains.

Hitung nisbah ahli persatuan matematik kepada semua ahli persatuan di sekolah itu.

A 1 : 3
B 1 : 4
C 5 : 7
D 7 : 5

- 36 Carta pai di bawah menunjukkan bilangan penduduk di tiga taman perumahan.



Jumlah penduduk di tiga taman perumahan tersebut ialah 1 500 orang.

Hitung jumlah penduduk di Taman R.

A 225
B 550
C 675
D 825

- 37 Jadual 3 menunjukkan bilangan murid yang menerima sumbangan baju raya daripada Ahli Parlimen mengikut saiz.

Saiz baju	Bilangan murid
S	30
M	35
L	40
XL	25
XXL	5

Jadual 3

Hitung julat bilangan murid yang menerima baju raya tersebut.

A 27
B 30
C 35
D 40

- 38 Umur Fatimah adalah $\frac{1}{4}$ daripada umur kakaknya. Jika umur kakaknya $25\frac{2}{3}$ tahun,


hitung umur Fatimah.

A 6 tahun 4 bulan
B 6 tahun 5 bulan
C 6 tahun 6 bulan
D 6 tahun 7 bulan

[Lihat halaman sebelah
SULIT

SULIT

- 39 Rajah 10 menunjukkan satu kawasan taman permainan yang ditanam rumput.



Rajah 10


Kawasan berlorek adalah kawasan berumput.
Hitung luas, dalam m^2 , kawasan berumput.

- A 114
- B 225
- C 300
- D 375

8

- 40 Rajah 11 menunjukkan sebatang kapur tulis.

015/1



Rajah 11

Calon dikehendaki menggunakan pembaris.
Hitung panjang, dalam cm, kapur tulis itu.

- A 7.1
- B 7.6
- C 8.1
- D 8.6